

14/06/2002

Wibawa PM bakal redakan konflik India-Pakistan

PEKAN, Khamis - Hubungan rapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin Pakistan dan India dijangka menjadi penawar bagi meredakan suasana tegang antara kedua-dua negara berkenaan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata ini kerana kepimpinan Dr Mahathir bukan saja dihargai dua negara itu malah seluruh dunia, terutama di kalangan negara kecil dan negara sedang membangun.

Beliau berkata, harapan Pakistan supaya Perdana Menteri mempengaruhi India menyelesaikan pertelingkahan berhubung isu Kashmir dengan mengendurkan ketegangan serta mengelakkan peperangan, adalah satu pengiktirafan kepada Dr Mahathir.

"Dr Mahathir memang terkenal di seluruh dunia sebagai pemimpin berwibawa, tegas, adil serta selalu berjuang untuk mempertahankan hak, selain menuntut keadilan demi kepentingan negara kecil dan sedang membangun.

"Justeru, kepimpinan beliau itu amat dihargai bukan saja di Pakistan, saya kira juga di India terutama di kalangan negara membangun.

"Bagaimanapun, sama ada Dr Mahathir mahu menerima atau tidak, itu soal lain," katanya selepas merasmikan bangunan baru Tabika Kemas Peramu Jaya I, dekat sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan harapan Pakistan terhadap Dr Mahathir supaya mempengaruhi India bagi menyelesaikan konflik berlarutan di negara berjiran itu.

Hasrat Islamabad itu disampaikan utusan khas kepada Presiden Pervez Musharraf, Najmuddin A Shaikh dalam pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Putrajaya, semalam.

Abdullah berkata, Pakistan berharap Malaysia, terutama Dr Mahathir memahami kedudukan dan pendirian negara itu berhubung konflik dengan India.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, saranan yang dibuat oleh Najmuddin itu adalah menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin dunia yang berwibawa.

Sementara itu, mengenai kes penyelewengan Perwaja, Najib berkata, kerajaan memang tidak mempunyai niat menutup kes berkenaan dan kalau ada pihak menuduh dan salah sangka terhadapnya, ia tidak benar sama sekali.

"Ini kerana dalam lawatan Perdana Menteri ke Switzerland, tiga pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) turut mengikuti rombongan itu dan Dr Mahathir mendapat kerjasama pemimpin tertinggi negara itu bagi menyelesaikan masalah itu," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini perkara yang menjadi penghalang untuk menyelesaikan kes itu ialah dari segi kesukaran mendapat bukti dan akses daripada akaun di Switzerland.

"Sebab itu tindakan sukar diambil, melainkan kita ada bukti yang sah duit itu di mana dan siapa simpan duit itu.

"Saya kira ini satu kemenangan moral yang besar kepada kerajaan Malaysia," katanya.

(END)